

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dan statistik rakyat yang di senarai hitamkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) daripada keluar negara bagi tahun 2011 hingga 2014.

JAWAPAN

Berdasarkan rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), jumlah bilangan individu yang dikenakan tindakan sekatan atau larangan meninggalkan Malaysia disebabkan gagal menjelaskan bayaran cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah untuk dirinya, perniagaan

yang dimiliki sepenuhnya atau bertanggung jawab sebagai pengarah syarikat pada setiap akhir tahun bagi tempoh 2011 hingga 31 Ogos 2014 adalah seperti dalam Jadual berikut:

Jadual: Bilangan Individu Dikenakan Sekatan Atau Larangan Meninggalkan Malaysia Disebabkan Kegagalan Menjelaskan Cukai

Tahun	Cukai Pendapatan		Cukai Keuntungan Harta Tanah	
	Bil.	Amaun Tertunggak (RM Juta)	Bil.	Amaun Tertunggak (RM Juta)
2011	51,287	1,671.14	8,652	173.99
2012	50,933	1,812.92	6,102	110.45
2013	58,782	1,916.02	6,946	114.76
Sehingga 31 Ogos 2014	64,876	2,021.77	7,716	120.62

2. Mekanisme sekatan perjalanan keluar negara hanya dilaksanakan melalui pintu keluar antarabangsa sahaja di mana terdapat kawalan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Dengan itu, pembayar cukai yang dikenakan sekatan ini adalah masih bebas untuk mengatur perjalanan mereka di dalam negara melalui pintu keluar perjalanan domestik ke destinasi di

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

3. Sekatan perjalanan keluar negara akan dibatalkan sekiranya pembayar cukai telah menjelaskan kesemua amaun cukai yang tertunggak. Bagi individu yang membayar sekurang-kurangnya 50% daripada amaun cukai tertunggak dan bakinya ditetapkan supaya dijelaskan secara ansuran mengikut persetujuan antara LHDN dan individu berkenaan, kelonggaran mekanisme sekatan perjalanan keluar negara diberi pertimbangan secara kes demi kes.

4. Kerajaan sentiasa prihatin supaya mekanisme sekatan perjalanan keluar negara tidak menyebabkan kesukaran dan ketidakselesaian kepada pembayar cukai. Dengan itu, pendekatan yang diambil adalah dengan memaklumkan terlebih dahulu setiap individu yang akan disekat perjalanannya supaya perkara ini diketahui lebih awal. Justeru individu berkenaan akan menerima satu salinan Surat Sekatan Perjalanan yang dikeluarkan oleh LHDN kepada Jabatan Imigresen sebagai makluman bahawa sekatan perjalanan keluar negara sedang dikuatkuasakan.

NO. SOALAN: 505

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

SOALAN :

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan setiap agensi keselamatan negara yang terlibat dalam operasi Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Arahan Eksekutif, Arahan No.1 yang telah ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri, ESSCOM telah distruktur semula mulai 15 Julai 2014. Agensi-agensi di bawah ESSCOM iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah distruktur semula untuk berada di bawah satu kawalan dan perintah iaitu oleh komander ESSCOM yang merupakan pegawai kanan PDRM. Fungsi operasi dan penguatkuasaan agensi-agensi di dalam ESSCOM adalah jelas dan tiada pertindihan dalam perkhidmatan masing-masing.

Ketiga-tiga agensi ini bersama-sama melaksanakan tugas dan operasi di ESSZONE mengikut Komponen Laut, Komponen Darat dan Komponen Udara secara bersepadu. ESSCOM turut berperanan untuk menganalisa, mengatur gerak setiap aset dan keanggotaan yang dimiliki oleh agensi-agensi tersebut. Strategi penyusunan aset dan anggota dilaksanakan berdasarkan kepada maklumat perisikan yang dikumpul dan dianalisis oleh setiap agensi serta digabungkan di bawah satu komponen iaitu ESSCOM.

Sekian. Terima kasih.